



Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
Division of Industry & Community Network

**Garis Panduan Latihan Industri
Institut Perubatan & Pergigian Termaju
Universiti Sains Malaysia**

Garis panduan ini disediakan untuk memberi penerangan dan panduan kepada kakitangan akademik, pengurusan, sokongan dan agensi luar berkaitan dengan latihan industri di IPPT. Pelajar yang menjalani latihan di IPPT akan ditempatkan di unit/bahagian/seksyen yang bersesuaian dan akan didedahkan dengan suasana penyelidikan dan pekerjaan sebenar.

1.0 Pengenalan

IPPT adalah institut siswazah lanjutan yang ditubuhkan untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang perubatan, pergigian, sains bioperubatan dan penyelidikan haiwan termaju di negara ini. Bidang-bidang kepakaran di IPPT dikategorikan kepada 12 kluster utama. Di samping itu terdapat 3 pusat perkhidmatan klinikal yang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan, perubatan, pergigian dan farmasi kepada pesakit luar dan dalam.

Selaras dengan saranan kerajaan untuk membina modal insan yang cemerlang, IPPT bersedia untuk menawarkan penempatan pelajar latihan industri daripada IPTA dan IPTS dalam bidang-bidang kepakaran yang terdapat di IPPT.

Bilangan penempatan yang disediakan pada satu-satu masa bergantung kepada keupayaan, kesesuaian dan beban pengurusan serta keutamaan dan kepentingan IPPT.

Sehubungan dengan itu, kelulusan untuk menerima pelajar latihan industri akan dipertimbangkan dengan mengambil kira aspek-aspek seperti penyelia yang ada, bidang latihan atau penyelidikan yang diperlukan, kebolegunaan alat dan kelengkapan, ruangan penempatan, bentuk penyeliaan latihan atau penyelidikan yang mampu diberi, keselamatan dan kesihatan

2.0 Bidang-bidang kepakaran di IPPT untuk Latihan Industri

Antara bidang-bidang latihan industri yang ditawarkan di IPPT adalah seperti yang disenaraikan berikut:

- 1) Makmal Diagnostik Termaju(ADL)**
- 2) Perkhidmatan Klinikal**
- 3) Perkhidmatan Pergigian**
- 4) Animal Research Centre(ARC)-(Good Animal Husbandry Practice/ Pre clinical vaccine study/Pre Clinical Toxicity Study)**
- 5) Pusat Jaringan Penyelidikan Translasional & Antarabangsa (TRNC)**
- 6) Penyelidikan Perubatan (CTC)**
- 7) Penyelidikan Bio-Perubatan (Kluster-Kluster)**
 - Kluster Sains Gaya Hidup
 - Kluster Sains Onkologi & Radiologi

- Kluster Perubatan Regeneratif
 - Kluster Infektomik
 - Kluster Perubatan Integratif
 - Kluster Sains Kraniofasial & Biobahan
- 8) **Bahagian Kewangan**
 - 9) **Seksyen Kejuruteraan, Penyelenggaraan dan Projek**
 - 10) **Bahagian Pengurusan & Pentadbiran**
 - 11) **AMDI Cooking Lab**
 - 12) **Pusat Bio - ICT**
 - 13) **Pusat Ilmu, Translational dan Maklumat**
 - 14) **Seksyen IT**

Permohonan untuk menjalani latihan industri hendaklah dialamatkan kepada:

PENGARAH, INSTITUT PERUBATAN & PERGIGIAN TERMAJU, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, BERTAM, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.

Permohonan yang berjaya akan diberikan surat tawaran menjalani latihan industri dan pelajar yang telah diterima perlu mengisi borang pendaftaran berserta borang akuan.

3.0 Tujuan Penempatan Latihan Industri

- 3.1 Memberi dan mendedahkan pelajar dengan persekitaran kerja, peluang pekerjaan dan etika kerja dalam bidang yang berkaitan.
- 3.2 Memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan dan mengamalkan segala pengetahuan serta kemahiran yang telah dipelajari semasa menjalani latihan.
- 3.3 Memupuk dan mengasah kemahiran insaniah selaras dengan keperluan pekerjaan.
- 3.4 Membentuk sahsiah pelajar bagi memenuhi keperluan pasaran kerja.

4.0 Skop Garis Panduan

- 4.1 Syarat-syarat menjalani latihan industri
- 4.2 Penempatan latihan industri
- 4.3 Pendaftaran
- 4.4 Disiplin semasa menjalani latihan industri
- 4.5 Laporan latihan industri
- 4.6 Sesi pengenalan/penerangan
- 4.7 Tanggungjawab unit/bahagian/seksyen/pelajar
- 4.8 Penginapan, pengangkutan dan elaun latihan
- 4.9 Sijil latihan industri
- 4.10 Perkara tambahan

5.0 Prosedur Pelaksanaan

5.1 Syarat-Syarat Menjalani Latihan Industri

1. Latihan Industri yang akan dijalankan hendaklah memberi manfaat kepada IPPT dan pelajar.
2. Laporan latihan industri hendaklah dihantar kepada Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat IPPT sebelum pelajar menamatkan latihan.
3. Setiap pelajar yang menjalani latihan industri akan diselia oleh penyelia yang telah dilantik oleh unit/bahagian/seksyen yang telah dimohon.
4. Setiap unit/bahagian/seksyen dibenarkan menempatkan tidak melebihi ____ orang pelajar dan sekiranya terdapat penambahan atau pengurangan penempatan perlu mendapat kelulusan daripada Bahagian Pengurusan/EXCO.
5. Pelajar yang menjalani latihan akan dipantau oleh penyelia yang dilantik.
6. Sebarang urusan permohonan dan juga pembatalan tawaran penempatan pelajar perlu dibuat secara bertulis melalui penyelarass/koordinator latihan industri pelajar.
7. Pelajar latihan industri perlu mengambil sendiri insuran bagi melindungi diri daripada sebarang bentuk kemalangan sepanjang tempoh menjalani latihan atau penyelidikan di IPPT.

5.2 Penempatan Latihan Industri

1. Penempatan bagi latihan industri akan diuruskan oleh Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat IPPT dengan kerjasama unit/bahagian/seksyen yang terbabit
2. Penempatan latihan industri adalah mengikut pilihan pelajar, bidang yang bersesuaian dan kepentingan unit/bahagian/seksyen terbabit. Sebarang penempatan adalah tertakluk kepada kekosongan dan keperluan unit/bahagian/seksyen.
3. Pertukaran tempat tidak digalakkan tetapi masih boleh membuat pertukaran sekiranya perlu dengan persetujuan unit/bahagian/seksyen terlibat dan mengambil kira keperluan latihan industri pelajar.
4. Unit/bahagian/seksyen perlu memberi keutamaan kepada kepentingan dan skop latihan industri pelajar dan kesan positif kepada kepada pelajar.
5. Pelajar yang telah bersetuju menerima tawaran penempatan di IPPT tidak boleh diganti dengan pelajar lain sekiranya beliau tidak hadir atau menarik diri daripada menjalani latihan industri tersebut.
6. Maklumat pelajar akan direkodkan selepas menerima borang permohonan dan pendaftaran serta borang aakuan.

5.3 Pendaftaran

1. Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat IPPT bertanggungjawab menguruskan permohonan latihan industri dengan persetujuan dan kerjasama unit/bahagian/seksyen yang berkenaan dan berkaitan.
2. Permohonan latihan industri hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 6 bulan lebih awal sebelum penempatan bagi memudahkan proses pendaftaran dan penempatan yang bersesuaian.
3. Semasa pendaftaran, pelajar perlu menghantar borang permohonan latihan industri yang telah lengkap diisi beserta gambar berukuran passport, borang permohonan/pendaftaran dan borang akuan.

5.4 Disiplin Semasa Menjalani Latihan Industri

1. Pelajar diwajibkan mematuhi segala arahan, peraturan dan keselamatan yang telah ditetapkan.
2. Pelajar hendaklah melindungi maklumat sulit IPPT berkaitan kakitangan, pegawai, pesakit atau orang yang terlibat dengan IPPT dan mengecualikan IPPT daripada sebarang tuntutan disebabkan kecuaiannya sendiri.
3. Pelajar dikehendaki berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata semasa dalam latihan. Pakaian seperti kemeja-T, jeans, kasut sukan dan selipar adalah tidak dibenarkan sama sekali.
4. Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti semasa menjalani latihan kecuali dengan kelulusan.
5. Pelajar hendaklah mematuhi waktu bekerja yang telah ditetapkan.
6. Pelajar hendaklah mendapat kebenaran daripada penyelia semasa hendak meninggalkan pejabat atas sesuatu urusan pada waktu pejabat.
7. Pelajar adalah dilarang sama sekali melakukan sebarang perbuatan atau kegiatan yang menyalahi undang-undang, agama dan adat sopan.
8. Pelajar tidak dibenarkan membawa pelawat ke pejabat IPPT tanpa sebarang tujuan rasmi.
9. Pelajar perlu menggunakan Pas Keselamatan Sementara untuk keluar/masuk pejabat IPPT dan perlu dipakai setiap masa semasa menjalani latihan industri. Pas Keselamatan Sementara hendaklah dikembalikan semula setelah tamat tempoh latihan industri.

10. Pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971(Pindaan 2009),Akta IPTS 1996(Akta 555) dan Akta Pendidikan 1996(Akta 550) semasa menjalani tempoh latihan industri.

5.5 Laporan Latihan Industri

1. Satu salinan laporan latihan industri hendaklah dihantar ke Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat,IPPT sebelum pelajar tamat latihan.

5.6 Sesi Pengenalan/penerangan

1. Setiap unit/bahagian/seksyen yang terlibat dengan latihan industri akan mengadakan sesi penerangan selepas pendaftaran pelajar. Pelajar adalah diwajibkan menghadiri sesi ini.
2. Penerangan akan meliputi tentang syarat,peraturan kerja,skop dan disiplin yang perlu dipatuhi oleh pelajar.

5.7 Tanggungjawab Unit/Bahagian/Pelajar/Penyelia

1. Pelajar latihan industri akan diberi taklimat mengenai IPPT, peraturan dan prosedur yang perlu dipatuhi serta perkara-perkara berkaitan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja pada awal latihan industri atau penyelidikan.
2. Ketua bagi sesuatu unit/bahagian/seksyen akan menentukan bidang latihan dan penyelidikan pelajar latihan industri. Satu program latihan atau penyelidikan akan disediakan oleh penyelia sepanjang tempoh latihan atau penyelidikan.
3. Penyelia perlu memastikan pelajar yang diselia memperolehi kemudahan untuk menjalankan latihan atau melaksanakan penyelidikan seperti bahan dan peralatan makmal.

5.8 Penginapan,Pengangkutan dan Elaun Latihan

1. IPPT tidak menyediakan kemudahan penginapan, pengangkutan dan elaun latihan industri kepada pelajar yang diterima menjalani latihan industri. Pelajar akan mengurus sendiri penginapan dan pengangkutan.

5.9 Sijil Latihan Industri

1. Sijil latihan industri akan dikeluarkan dan diberikan kepada pelajar selepas pelajar menamatkan latihan industri di IPPT.

6.0 Perkara Tambahan

1. IPPT boleh membuat sebarang pindaan dan penyesuaian terhadap garis panduan ini dari semasa ke semasa.
2. IPPT berhak menamatkan latihan industri pelajar pada bila-bila masa kepada mana-mana pelajar yang tidak mematuhi garis panduan ini.

Semakan Pelajar Latihan Industri

Menghantar borang permohonan latihan industri
(Mengisi borang latihan industri IPPT).

Menerima maklumbalas permohonan latihan industri
6 bulan sebelum latihan industri bermula.(Dihantar kepada
Penyelaras/Koordinator latihan industri).

Menerima surat tawaran untuk menjalani latihan industri

Melapor diri di Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
(BJIM),IPPT untuk pengesahan.(Bersama borang permohonan/pendaftaran
dan borang akuan)

Pelajar akan ditempatkan di Unit/Pusat/Bahagian yang
telah ditawarkan.

Menjalani latihan dan diselia oleh penyelia yang
dilantik oleh ketua Unit/Pusat/Bahagian.

Selepas Penempatan

Menghantar laporan kehadiran latihan industri kepada
penyelaras/koordinator latihan industri.

Menghantar satu salinan laporan latihan industri kepada
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat IPPT
sebelum pelajar menamatkan latihan industri.